



PERBADANAN MUZIUM MELAKA
IKLAN JAWATAN KOSONG

Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) merupakan Badan Berkanun Kerajaan Negeri Melaka mempelawa Warganegara Malaysia keutamaan kepada ANAK NEGERI MELAKA berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan yang berkelayakan dan berpengalaman bekerja bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:-

1. JAWATAN DAN KEKOSONGAN

BIL.	JAWATAN	GRED	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
1.	PEMBANTU MUZIUM	S1	1	TETAP/ KONTRAK (INTERIM)
2.	PEMBANTU KHIDMAT AM	H1	1	TETAP/ KONTRAK (INTERIM)

2. CARA MEMOHON

- a. Permohonan hendaklah menggunakan **Borang Permohonan Jawatan PERZIM** yang boleh dimuat turun dari laman web PERZIM: www.perzim.gov.my.
- b. Semua permohonan hendaklah disertakan gambar terbaharu ukuran pasport (gambar swafoto/ *selfie* tidak dibenarkan) dan salinan dokumen yang telah **DISAHKAN** lengkap **tandatangan dan cop pengesahan** oleh Pegawai Kerajaan (Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 9 ke atas)/ Pengerusi Japerun/ Penghulu/ Pengerusi JPKK/ Sidang.
- c. **Salinan dokumen WAJIB** yang diperlukan adalah seperti berikut :-
 - i. Kad Pengenalan;
 - ii. Sijil Kelahiran;
 - iii. Lesen Memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I (jawatan yang berkaitan);
 - iv. Sijil Berhenti Sekolah; dan
 - v. Salinan Sijil Kelulusan Akademik (Sijil/Diploma/Ijazah) yang berkaitan jawatan yang dipohon
- d. Pemohon yang sedang berkhidmat dengan jabatan/ agensi kerajaan dikehendaki membuat permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan **Lampiran A - Pengesahan Ketua Jabatan, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan 3 tahun terkini**.
- e. Bukti penghantaran tidak boleh dijadikan sebagai bukti penerimaan. Kos penghantaran adalah dibawah tanggungan pemohon dan hanya Borang Permohonan Jawatan PERZIM secara bercetak sahaja diterima dan diproses.

- f. Pengurusan PERZIM berhak menolak permohonan yang berikut :-
- i. Tidak menggunakan borang PERZIM;
 - ii. Tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan;
 - iii. Tidak lengkap dan tidak kemas;
 - iv. Tiada tandatangan dan tiada cop pengesahan dokumen yang disertakan ; dan
 - v. Terdapat ubahsuai borang yang dicetak.
- g. Pihak Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) berhak memilih mana-mana calon yang difikirkan layak dan bersesuaian. Keputusan adalah muktamad.
- h. Sila catatkan nama jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat apabila mengemukakan permohonan.
- i. Semua dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

**Pengurus Besar
Perbadanan Muzium Melaka
Kompleks Muzium Negeri
Jalan Kota, 75000 Melaka
(u.p: Seksyen Khidmat Pengurusan)**

- j. Tarikh tutup permohonan ialah pada **07 OGOS 2026 (JUMAAT) JAM 4.30 PETANG.**
- k. Hanya pemohon yang layak sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga melalui makluman panggilan telefon/ email dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh permohonan ditutup.
- l. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas ENAM (6) BULAN DARI TARIKH TUTUP PERMOHONAN hendaklah **secara automatik** menganggap permohonan tersebut tidak berjaya.